

Bangga pencapaian Tabung Haji - PM

■ SEPANG 4 OGOS

MALAYSIA bangga menerima pujian dan pengiktirafan daripada

kerajaan Arab Saudi dan negara-negara Islam atas pencapaian Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang menguruskan ibadah haji jemaah negara dengan baik, kata Perdana Menteri, Tun Dr.

Mahathir Mohamad.

Ketika berucap dalam majlis selamat jalan kepada jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci bagi musim haji 1440/2019 di Kompleks Tabung Haji Sepang hari ini, Perdana Menteri berharap Tabung Haji terus komited dalam meningkatkan tahap perkhidmatan.

“Ini termasuk dari segi pengurusan haji, simpanan dan pelaburan agar ia sentiasa berada pada tahap yang cemerlang dan menjadi contoh kepada ne-

gara Islam lain di seluruh dunia,” katanya lagi.

Perdana Menteri berkata, jemaah haji Malaysia antara yang paling beruntung berbanding jemaah haji negara lain kerana Tabung Haji memberi khidmat layanan dan urusan haji dengan lebih teratur yang diuruskan dari awal hingga akhir.

Dr. Mahathir turut berpesan kepada jemaah haji Malaysia supaya mengikut segala nasihat dan panduan kesihatan serta amalan pemakanan yang disarankan oleh Tabung Haji dan Kementerian Kesihatan supaya tahap kesihatan sentiasa baik untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna.

“Semasa di Tanah Suci nanti, doakanlah agar negara kita Malaysia terus aman dan sejahtera. Hanya dengan keamanan, kita semua dapat melaksanakan

ibadat menurut syariat yang dituntut oleh Allah SWT dengan tenang tanpa rasa bimbang atau takut,” katanya lagi.

Yang turut hadir isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed, Azmin Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof dan Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Mahmoud Hussien Saeed Qattan.

Beliau difahamkan sudah lebih 90 peratus jemaah haji Malaysia berada di Mekah sehingga hari ini dan tinggal beberapa sahaja lagi penerbangan.

Pada majlis hari ini, 483 jemaah haji akan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 6.20 petang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah, -BERNAMA



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan isteri. Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama jemaah haji di Kompleks Tabung Haji Sepang, Selangor, semalam. Turut hadir, Mujahid Yusof, Mohamed Azmin Ali dan Mahmoud Hussien Saeed Qattan. - BERNAMA